



Media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram terus berkembang menjadi platform utama masyarakat sebagai medium perhubungan di antara satu sama lain. Capaian maklumat dan perhubungan yang cepat dan pantas dilihat antara faktor utama yang menjadikan media sosial sebagai medium perhubungan utama manusia di seantero pelosok dunia mutakhir ini.

Bayangkan dalam sekilip mata saja semua peristiwa yang berlaku di seluruh dunia dapat kita ketahui melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter. Berita yang tersebar dengan begitu cepat dan pantas membuktikan kita berada dalam dunia tanpa sempadan yang semakin maju, kompleks dan mencabar. Situasi ini terus menyumbang kepada peningkatan statistik pengguna media sosial secara mendadak tanpa mengenal usia, agama dan bangsa. Misalnya di negara kita sendiri pada hari ini hampir keseluruhan pelajar sekolah rendah dan menengah mahupun golongan belia mempunyai akaun Facebook mereka sendiri. Statistik menunjukkan terdapat lebih 18 juta pengguna media sosial yang aktif di Malaysia.

Dalam konteks hebatan maklumat dan komunikasi kita tidak dapat nafikan bahawa media sosial banyak membawa kebaikan terutama dari segi membantu menjadi medium perhubungan ataupun hebatan mengenai sesuatu perkara. Misalnya, kumpulan sasaran dapat mengetahui maklumat yang berkaitan dengan cepat dan pantas melalui media sosial ini. Malah, media sosial juga sering digunakan oleh pemimpin untuk berkommunikasi secara langsung dengan rakyat seperti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sendiri yang begitu aktif dalam Facebook dan juga Twitter. Beliau sering menggunakan medium ini untuk membuat sebarang hebatan, pengumuman mahupun ucapan kepada

seluruh rakyat Malaysia. Rakyat juga dapat terus memberi maklum balas kepada beliau melalui medium yang sama. Ringkasnya, penggunaan media sosial secara berhemah mampu berjaya mendekatkan pemimpin dengan rakyat.

Justeru, andai kita dapat menggunakan media sosial ini dengan bijak, mafang dan profesional ia bakal memberikan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat. Namun apa yang mengecewakan ialah apabila ada dalam kalangan pengguna media sosial ini yang cuba mengambil kesempatan dan menyalah guna kecanggihan teknologi yang ada ini untuk kepentingan peribadi sehingga boleh mencetuskan pelbagai kontroversi, musibah dan malapetaka kepada pelbagai pihak lain. Ada yang terlalu ghairah untuk memuat naik dan berkongsi pelbagai maklumat dan isu sensitif termasuk gambar yang boleh mendatangkan kemudaratkan kepada kehidupan masyarakat kita secara keseluruhannya. Memang betul kita menyanjung tinggi kebebasan bersuara mahupun dunia tanpa sempadan, namun apakah kita sanggup menghancurkan nilai kemanusiaan, adab dan sopan santun hanya atas tiket kebebasan?

Misalnya insiden beberapa pengguna media sosial ditahan pihak berkuasa kerana menghina mahupun mengeluarkan komen jelik terhadap pemimpin tidak sewajarnya berlaku. Sudah terlalu banyak kes ini dilaporkan mutakhir ini, antaranya seorang peniaga menjual perkakasan rumah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas dua pertuduhan memuat naik komen jelik dan menghina kerajaan termasuk Perdana Menteri menerusi laman sosial Facebook. Di Terengganu pula pihak polis menahan seorang remaja berusia 19 tahun dipercayai mengeluarkan kenyataan berunsur penghinaan terhadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin juga menerusi laman Facebook.

Di samping itu media sosial juga sudah mula melahirkan wartawan celup secara ekspres apabila sepantas kilat menyebarkan pelbagai gambar dan berita yang tidak sahih mahupun disahkan oleh pihak berkuasa. Keghairahan pengguna media



Jaga adab ketika guna media sosial



sosial yang tidak beradab dan bertika seperti ini menyebabkan segala maklumat yang tidak wajar dan tidak patut turut dihebahkan untuk tatapan khalayak. Lebih

mengecewakan apabila maklumat tidak sahih dan berbentuk spekulasi serta andaian juga terus menjadi pilihan utama pengguna media sosial yang tidak bertanggungjawab hanya atas

tiket kebebasan. Misalnya, apakah kita lupa segala andaian, spekulasi, kontroversi dan teori yang disebarluaskan dalam media sosial tentang misteri kehilangan pesawat MH370

tanpa sedikitpun menghiraukan perasaan waris dan ahli keluarga 239 orang penumpang dan anak kapal. Itu belum lagi tindakan individu yang suka mempermainkan dan mencetuskan provokasi dalam kalangan masyarakat membabitkan pelbagai isu sensitif seperti, kematian, agama dan bangsa. Akibatnya masyarakat sering menjadi keliru kerana terlalu banyak andaian, teori dan spekulasi yang disebarluaskan dengan pelbagai fakta dan hujah mengikut pandangan dan justifikasi masing-masing. Tindakan tidak beradab dan beretika seperti ini sekali lagi boleh mencetuskan pelbagai kejadian tidak diingini dalam kalangan masyarakat.

Apakah kita sedar perbuatan tidak beradab seperti ini boleh mendatangkan pelbagai masalah yang besar dan kritikal. Antaranya, boleh menghakis keharmonian kaum serta budaya saling hormat menghormati antara kaum, mencetuskan pelbagai kejadian tidak diingini dalam kalangan masyarakat. Selain itu, perbuatan tidak beradab seperti ini boleh menghancurkan nilai kemanusiaan dan sopan santun yang kita banggakan selama ini. Ia jelas satu perkembangan yang tidak sihat dalam kita mahu melahirkan masyarakat yang bersopan santun dan bertamadun. Jadi kita berharap pengguna media sosial di negara ini akan ambil ictibar dan boleh menjadi pengguna media sosial yang beradab, bertanggungjawab dan beretika.

dalam masyarakat, menggugat dan mengancam keselamatan negara serta merosakkan hubungan baik dengan pihak luar terutama hubungan diplomatik dengan negara luar. Sebagai masyarakat Timur kita sejauhnya terus menjunjung tinggi nilai kemanusiaan dan sopan santun dalam setiap tindak tanduk kita.

Sepatutnya perkara yang menyentuh sensitiviti orang lain tidak diperbesarkan mahupun dihebahkan menerusi media sosial apatah lagi jika ia melibatkan maklumat yang tidak sahih atau spekulasi semata-mata. Kita tidak mahu rakyat terus dikelirukan dengan sajian maklumat yang tidak sahih dan tepat. Media sosial sebenarnya menyumbang kepada pelbagai bentuk kebaikan. Justeru janganlah kita terlalu taasub sehingga salah guna ataupun terlalu ghairah dan berlumba-lumba untuk menyebarkan maklumat sehingga boleh menghancurkan nilai kemanusiaan dan sopan santun yang kita banggakan selama ini. Ia jelas satu perkembangan yang tidak sihat dalam kita mahu melahirkan masyarakat yang bersopan santun dan bertamadun. Jadi kita berharap pengguna media sosial di negara ini akan ambil ictibar dan boleh menjadi pengguna media sosial yang beradab, bertanggungjawab dan beretika.